



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

PANDANGAN FATWA MENGENAI PERSOALAN ZAKAT

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Bil. 01/2021 pada 12 Ogos 2021 telah meneliti beberapa persoalan berkenaan isu zakat dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

I) Agihan Zakat Secara Persendirian:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Kali 1/2008 pada 21 Muharram 1429 bersamaan 30 Januari 2008 telah meneliti persoalan mengenai Agihan Zakat Secara Persendirian dan bersetuju menerima pakai keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 76 pada 21-23 November 2006.

II) Penetapan Kadar Nisab Emas Berdasarkan Ketulinan:

Berdasarkan taklimat yang disampaikan oleh wakil Lembaga Zakat Negeri Kedah mengenai Penetapan Kadar Nisab Zakat Emas Berdasarkan Ketulinan, maka Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bersetuju menerima cadangan Kaedah Penetapan Kadar Nisab Emas Berasaskan Ketulinan seperti dalam Jadual berikut;

BIL.	KATEGORI EMAS	NISAB (GRAM)
1.	24k / 995 / 999	85
2.	965	88.08

3.	23k / 950	89.47
4.	22k / 916	92.79
5.	21k / 875	97.14
6.	20k / 835	101.79
7.	Paun	107.59
8.	18k / 750	113.33
9.	14k / 585	145.3
10.	9k / 375	226.66

III) Kaedah Pengiraan Zakat Hasil Padi:

1. Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah mengambil maklum taklimat yang disampaikan mengenai Cadangan Kadar Zakat Padi dan Penolakan Kos dalam Taksiran Zakat Hasil Padi.
2. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan pihak Lembaga Zakat Negeri Kedah untuk melaksanakan Kaedah Taksiran baharu yang tidak membebankan para petani iaitu:
 - a. **Mengekalkan Kaedah A (tanpa tolakan) dengan kadar 10%**
 - b. **Memperkenalkan Kaedah B (dengan tolakan) dengan kadar $1/20 = 5\%$ atau $\frac{3}{4}$ daripada $1/10 = 7.5\%$**
3. Pandangan ini selaras dengan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah bertarikh 31 Oktober 1996 mengenai Zakat Projek Separa Berkelompok.

TARIKH KEPUTUSAN : 29 SEPTEMBER 2021